

Pentadbiran dan Polisi Pertahanan Negara Pada Zaman Nabi Muhammad S.A.W.

Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam¹, Noor Azmi Mohd Zainol¹, Iylia Mohamad² &
Zahimi Zainol Abidin¹

¹Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

²Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Peristiwa peperangan dan pencerobohan ke atas sesetengah negara di dunia pada hari ini adalah berpunca daripada kelemahan aspek sistem pertahanan dan keselamatan negara. Salah satu prinsip negara yang berdaulat ialah memiliki sistem pertahanan yang kukuh dan terurus yang bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan politik negara. Oleh yang demikian, negara Islam Madinah merupakan contoh terbaik dalam pelaksanaan sistem pertahanan negara yang mampan dan utuh. Pentadbiran dan polisi pertahanan negara yang dilaksanakan di bawah kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W. menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan keadaan geografi, politik dan sosial Madinah pada waktu ketika itu. Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi analisis kandungan tekstual dan kajian sejarah. Data yang diperolehi dianalisis secara deduktif dan induktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor yang mempengaruhi polisi pentadbiran pertahanan zaman Nabi Muhammad S.A.W. iaitu permuafakatan masyarakat majmuk, hubungan diplomatik antara negara luar serta taktik dan strategi pertahanan. Ketiga-tiga faktor tersebut memberi kesan positif terhadap sistem pertahanan yang dinamik dan teratur dalam mengurus tadbir ketenteraan dan keselamatan dalam negara dan sentiasa siaga dalam menghadapi ancaman luar daripada pihak musuh.

Kata Kunci: Sistem Pertahanan Negara, Polisi Pertahanan Negara, Negara Islam Madinah, Kepimpinan Ketenteraan, Taktik dan Strategi

1. Pendahuluan

Secara dasarnya, pembentukan dasar dan polisi pertahanan menurut Islam ini perlu dilihat melalui aspek kepemimpinan tauladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam membentuk gagasan negara Islam Madinah. Melalui dasar dan polisi yang dibuat oleh Rasulullah SAW, negara Madinah menuju ke arah yang disebut sebagai *al-falah* iaitu kejayaan daripada segenap aspek kekuatan sebuah negara. Kekuatan tersebut bukan hanya dinilai daripada keutuhan ekonomi negara, kestabilan politik mahupun kekebalan sistem pertahanan dan ketenteraan, namun faktor utama yang wajar dibahaskan adalah bagaimana untuk merencam kesatuan masyarakat yang berbilang kaum dan agama dalam menggalakkan mereka untuk berkhidmat kepada negara (Ahmad Redzuwan, 2001). Terdapat intipati perjanjian yang mengukuhkan kedudukan pertahan negara Madinah berdasarkan kepada empat perkara berikut (Jabatan Arah KAGAT, 2019):

1. Kebebasan beragama
2. Kehidupan bertolak ansur
3. Larangan bermusuhan antara satu sama lain
4. Tanggungjawab dalam berkerjasama mempertahankan kedaulatan Madinah

Melalui piagam Madinah, dasar dan polisi pertahanan negara telah ditubuhkan Kesepaduan ummah menjadi salah satu agenda utama pembentukan negara Madinah yang menyaksikan kerjasama di kalangan masyarakat majmuk dalam menjaga hak antara satu sama lain serta memelihara keamanan negara dengan mempertahankan kedaulatannya daripada ancaman musuh seperti yang termaktub di dalam fasa 18 piagam Madinah. (Ahmad Redzuwan, 2001). Berdasarkan kepada faktor-faktor yang dinyatakan di atas, pendekatan konsep pertahanan menyeluruh (*syumuliyah al-difa'*) yang merangkumi keseluruhan aset negara samada berbentuk kebendaan mahupun kemanusiaan ini sebenarnya telah lama wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Cuma istilah tersebut tidak diguna pakai secara rasmi namun pelaksanaan secara menyeluruh telah lama dilakukan bagi membentuk sebuah negara yang kukuh serta kuat daripada segi fizikal mahupun kerohanian. (Ahmad Nabil, 2009) Secara tidak langsung, ianya memberikan gambaran positif kepada negara yang lain disebabkan oleh dasar dan polisi pentadbiran negara yang bersifat holistik dan menyeluruh. Justeru, melalui pelaksanaan secara menyeluruh tersebut, tiga faktor yang mempengaruhi polisi pentadbiran pertahanan zaman Nabi Muhammad SAW adalah seperti berikut:

2. Permuafakatan Masyarakat Majmuk

Melalui prinsip pertama ini, kekuatan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang agama dan bangsa (majmuk) terletak kepada keutuhan dan kesepaduan dalam kalangan mereka. Permuafakatan yang dimaksudkan adalah sikap saling bertoleransi dan memahami antara satu sama lain yang boleh membawa kepada kemaslahatan sosio-politik bagi sebuah negara. Asas kepada pembentukan sebuah negara yang memiliki rakyat pelbagai rancam merupakan cabaran paling rumit untuk dilaksanakan. Hal yang demikian kerana terdapat banyak perbezaan menerusi daya fikir dan budaya yang perlu ditempuh malah tidak semua keputusan yang dibuat oleh kerajaan boleh memuaskan hati semua pihak. Hanya dengan memahami konsep 'persamaan sesama manusia' yang mempunyai hak untuk hidup sahaja mampu untuk menangkis perbezaan yang membawa kepada perpecahan. (Nazri Muslim et al., 2011). Justeru, dalam kehidupan masyarakat majmuk ini, perkara utama yang perlu dilakukan bukan mencari perbezaan tetapi mendapatkan titik persamaan serasi di antara kaum yang lain seperti yang ditegaskan oleh Shamsul Amri (2012).

Seperti mana yang diketahui, Allah telah mencipta manusia dengan pelbagai latar belakang kaum dan suku-suku yang berbeza dengan tujuan untuk mengenali antara satu sama lain (Surah al-Hujurat: 13). Antara lain firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ۗ اِعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran, dan jangan sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak berlaku adil kepada mereka. Hendaklah kamu berlaku adil kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan amat mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Menurut al-Qurtubi (1998), ayat al-Qur'an di atas menjelaskan bahawa prinsip keadilan mesti ditegakkan kepada semua manusia tanpa mengira latar belakang sesuatu kaum mahupun kepada perkara yang dibenci seperti musuh dan pengkhianat negara. Sesungguhnya sikap adil yang dilaksanakan secara konsisten mampu menjadi alat pengukuh kepada kestabilan dan keamanan sebuah sistem pentadbiran negara. Sistem pentadbiran dalam negara Madinah di bawah pimpinan Rasulullah SAW sebagai ketua negara wajib dijadikan contoh dan panduan, hal ini kerana perpaduan ummah telah digarap dengan begitu sempurna berlandaskan kepada konsep wasatiyyah yang menggariskan hak, tanggungjawab dan peraturan dalam kalangan masyarakat Islam, Yahudi dan Musyrikin. (Azyati Azhani et al., 2013). Kekuatan pentadbiran Madinah yang berasaskan kepada pegangan syariat Islam melalui konsep wasatiyyah tidak memberikan bebanan kepada masyarakat majmuk kerana mereka bebas untuk mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing serta bertujuan untuk mengelakkan pertelingkahan dan pergaduhan.

Tambahan pula sistem kewarganegaraan yang bersifat inklusif (*ummah*) diberi kepada semua kaum berdasarkan hak masing-masing yang termaktub di dalam piagam Madinah. Ianya satu proses timbal balik antara rakyat dan kerajaan hanya jika rakyat mematuhi peruntukan undang-undang yang ditetapkan tanpa melanggarnya, maka kerajaan wajib untuk memberikan jaminan keselamatan terhadap rakyat seperti yang diperuntukkan di dalam piagam mengenai kedudukan dan tanggungjawab masyarakat Yahudi. Hal yang demikian menjadikan mereka bertanggungjawab untuk melindungi hak peribadi mereka dan hak yang lain termasuk berkerjasama dalam mempertahankan kedaulatan tanah air daripada sebarang ancaman pihak musuh. (Ahmad Ibrahim et al., 1985).

3. Hubungan Diplomatik Dalam dan Luar Negara

Salah satu dasar pertahanan menyeluruh yang penting dalam sebuah negara Islam adalah hubungan diplomatik dalam dan luar negara yang menjadi teras kepada pengukuhan hubungan negara-rakyat yang bersifat universal. Dasar ini sangat penting dalam ilmu *siyasa syar'iyah* dan juga dikenali sebagai ilmu *siyar* merupakan aturan undang-undang antarabangsa Islam yang wujud sejak zaman Rasulullah SAW sehingga dikumpulkan laporan dan catatan tentang kehidupan dan peperangan baginda berserta hubungan antarabangsa (negara luar). (Majid Khadduri, 1955).

Menurut Rohimi Shapiee (2008), pendekatan yang diambil oleh Rasulullah SAW pada permulaan Islam dalam pengamalan teori *siyar* ini adalah secara berperingkat-peringkat seperti yang tertulis di dalam bahan-bahan tradisi *siyar* sebagai contoh karya *sirah* Ibn Hisham. Ianya mempunyai tiga fasa utama iaitu:

1. Pembentukan negara (jaminan keselamatan dan perlindungan)..
2. Hubungan yang kukuh berlandaskan sikap tolong menolong, hormat menghormati satu sama lain.
3. Usaha menegakkan keadilan dan kedaulatan Ilahi.

Fasa pertama bermaksud jaminan keselamatan dan perlindungan terhadap dua entiti di dalam negara iaitu kerajaan dan rakyat. Fasa kedua pula menyemai sifat-sifat yang terpuji (*mahmudah*) di dalam diri rakyat dan seterusnya menjamin hubungan yang baik antara mereka. dan fasa ketiga dan yang terakhir adalah jalan menyebarkan da'wah Islam di bumi Allah dan mewujudkan usaha untuk memperkasakan pemerintahan politik kenegaraan di bawah naungan daulat Ilahi.

Menurut beliau lagi, pendekatan yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam mengukuhkan keamanan dan keselamatan serantau melalui adalah dengan menjalin diplomasi (hubungan baik) dengan pemerintah kerajaan (empayar) luar Madinah seperti empayar Roman Byzantine, empayar Qaisar dari

Parsi, Maharaja Najashi dari Abbysinia dan lain-lain. Walaupun tujuan sebenar diplomasi tersebut adalah untuk menyampaikan mesej tentang Islam kepada pemerintah bukan Islam dan seruan untuk memeluknya, namun secara hukum antarabangsa ianya sebagai langkah awal untuk mendapatkan sokongan dan pengaruh supaya dapat memelihara kestabilan politik, pengukuhan daya ketahanan negara dan seterusnya mengeratkan hubungan bilateral antara dua negara. (Abdul Mukti, 2014).

Jika dilihat daripada peristiwa perjanjian Hudaibiyah telah membuktikan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam hal ehwal diplomasi antara dua pihak yang memberi kesan terhadap dua perkara iaitu yang pertama, mengukuhkan secara erat hubungan dua hala antara Quraisyh Mekah dengan penduduk Islam Madinah. Walaupun isi kandungan perjanjian tersebut dilihat berat sebelah terhadap Quraisy, namun secara tidak langsung ianya memberikan kemenangan tersirat daripada sudut moral dan kerohanian kepada penduduk Islam Madinah (Al-Mubarakfuri, 2007) seperti mana Allah berfirman:

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَبَهُمْ فَتْحًا
قَرِيبًا

Surah al-Fath 48:18

Terjemahan: Demi sesungguhnya! Allah redha akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (Muhammad) di bawah naungan pohon (Hudaibiyah); maka dengan itu ternyata apa yang sedang diketahuinya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Ia (Allah) menurunkan semangat tenang dan tenteram kepada mereka, dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya;

Menurut Imam Ibn Kathir (2002), ayat Qur'an di atas membuktikan kekuasaan Allah dalam menentukan takdir kemenangan Islam pada masa hadapan melalui peristiwa pembukaan kota Mekah (*fath al-makkah*) dan juga pembukaan *khaibar*. Di samping itu, ianya tidak setakat berhenti pada pembukaan itu sahaja, malah Allah turut menjanjikan kemenangan ke atas pihak Islam dalam menguasai kerajaan dan empayar bukan Islam.

Manakala kesan yang kedua adalah terhadap penduduk Islam Madinah yang mendapat pembelaan dalam soal keselamatan dan hak keamanan melalui gencatan senjata yang terdapat di dalam isi perjanjian. (Al-Mubarakfuri, 2007). Hal yang demikian jika dilihat pada dasarnya merupakan sebuah polisi pertahanan menyeluruh yang diamalkan oleh Rasulullah SAW yang melibatkan soal keselamatan dan ketenteraman antara dua pihak yang berunding. Ini disebabkan oleh keadaan dan suasana sebelum itu menyaksikan banyak peperangan berlaku di tanah Arab dan masyarakat Madinah khususnya menghadapi banyak ancaman pihak musuh yang ingin menyerang tanah air mereka. (Shaheen et al., 2005). Justeru, mempertahankan diri (self-defence) dan tanah air merupakan kewajiban setiap warganegara seperti yang termaktub di dalam dasar dan polisi piagam Madinah.

Selepas era kenabian, tradisi hubungan diplomatik ini diteruskan oleh *khulafa' al-rashidun* RA mengikut gaya dan corak pemerintahan masing-masing. Kesemua khalifah RA tidak terlepas daripada sebarang ujian dalam memastikan keamanan dan kestabilan negara dapat dikekalkan. Khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA misalnya, meneruskan legasi kepimpinan Rasulullah SAW dalam hubungan diplomasi dengan kerajaan Rom dan dalam pada masa yang sama beliau menghadapi ancaman pemberontakan dalaman yang telah mengganggu gugat ketenteraman dan keamanan negara. Manakala `Umar al-Khattab RA pula berjaya membebaskan kota baitul maqdis daripada genggaman Rom melalui kemaraan tentera Islam yang berjuang di jalan Allah. Maka, dengan itu termeterai syarat yang menguntungkan Islam dalam hubungan luar iaitu `Umar RA berjaya mengukuhkan kekuasaan Islam di luar tanah Arab serta menjadikan kota Madinah sebagai pusat pemerintahan Islam yang baru. (Al-Suyuti, t.t.)

4. Taktik dan Strategi

Sebuah negara yang berdaulat memerlukan perancangan rapi dalam membentuk sistem pertahanan yang kuat dan kukuh bagi memastikan kedaulatan negara terpelihara serta dapat menjamin keselamatan

rakyat. Perancangan rapi tersebut dikenali sebagai taktik dan strategi yang dibentuk melalui dasar dan polisi pertahanan negara sebagai kuasa tertinggi bidang pertahanan. Segala aspek yang dibentangkan memenuhi ciri-ciri yang memberikan manfaat kepada negara dan rakyat. (Al-Buttush, 2014).


Perkataan strategi berasal daripada perkataan Yunani iaitu '*strategos*' yang bermaksud 'pemerintah tertinggi' (commander in chief). (Edward Lutwak et al., 2000). Maksud strategi menurut kamus oxford ialah 'seni arahan terhadap organisasi ketenteraan serta operasi peperangan yang berskala besar'. Manakala di dalam Bahasa Arab pula, maksud strategi diterjemahkan kepada *fann 'au al-'idarat fi al-harb* (seni atau ilmu peperangan). (Munir, 1999). Menurut Al-Buttush (2014), Istilah strategi ialah satu seni atau ilmu mengenai aplikasi kekuatan politik, ekonomi, psikologi dan ketenteraan yang diperlukan ketika dalam keadaan damai dan peperangan, agar dapat meningkatkan keupayaan pertahanan negara melalui dukungan maksimum terhadap kebijaksanaan dasar dan polisi, dan seterusnya memberikan kesan positif iaitu kemenangan serta mengurangkan risiko kekalahan. Walau bagaimanapun, perbezaan definisi strategi menurut bahasa terbatas pada penggunaan umum yang juga meliputi aspek ilmu yang lain seperti ekonomi, politik, perniagaan, sukan dan lain-lain. Dapat disimpulkan bahawa maksud utama strategi dalam ilmu pertahanan ialah 'teori dan pengamalan prinsip-prinsip ketenteraan pada tahap yang tertinggi dalam memastikan kedaulatan dan keselamatan negara terpelihara'.

Perlu ditegaskan bahawa terdapat perbezaan antara strategi dan taktik (operasi) dalam proses mengutuhkannya sistem pertahanan negara. Strategi seperti yang dibahaskan sebelum ini merupakan sebuah seni ilmu mengatur pergerakan angkatan tentera yang merangkumi persediaan daripada sudut jasmani dan rohani ketika di medan peperangan. Manakala taktik (operasi) ialah pelaksanaan matlamat umum yang termaktub di dalam strategi ketika di lapangan perang dan kadang kala ianya dilakukan mengikut keperluan tertentu. (Nawaf, 2003). Ianya juga menjelaskan bahawa pengaplikasian taktik (operasi) hanya bergantung kepada strategi yang diputuskan oleh pemerintah tertinggi angkatan tentera dalam sebarang kemungkinan yang akan berlaku ketika operasi ketenteraan sedang berlangsung.

Penelitian terhadap sejarah pembentukan negara Madinah dilaksanakan untuk membuktikan bahawa kepimpinan Rasulullah SAW adalah bersandarkan daripada *qudwah hasanah* iaitu akhlak yang mulia telah diserapkan ke dalam pentadbiran baginda. (Ahmad Ibrahim et al., 1985). Penentuan dasar dan polisi pertahanan negara melalui aspek kemantapan strategi dan taktik memerlukan keupayaan pemikiran tahap terbaik daripada pemimpin ketenteraan yang tertinggi (*supreme military commander*) tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tertentu. (Hasan Turkumani, 1995). Hal yang demikian ini termasuk juga hal ehwal peperangan merupakan urusan pihak kerajaan pusat, dan hanya Rasulullah SAW sahaja yang boleh membuat keputusan dalam isu pertahanan dan keselamatan.

Kuasa pemerintahan ketua negara yang dimiliki Rasulullah SAW ini mendapat pengiktirafan daripada semua rakyat Madinah seperti yang termaktub di dalam fasal 23 dan 42 dalam piagam Madinah yang menerangkan ringkas bahawa segala persengketaan atau perbalahan yang boleh membawa bahaya (perpecahan, jenayah) hendaklah dirujuk kepada hukum Allah dan jalan penyelesaiannya oleh Muhammad SAW. (Zaleha Embong, 2016). Malah Baginda SAW juga merupakan ketua turus angkatan tentera pada zaman tersebut yang berjaya memenangi hampir keseluruhan peperangan (*ghazwah*) yang berlaku demi memastikan kesucian agama Islam terbelas serta menyebarkan agama Allah di muka bumi.

Dalam merealisasikan dasar pertahanan yang cekap dan efisien bersesuaian dengan elemen ketenteraan yang sememangnya memerlukan daya juang yang bersifat tangkas dan pantas, ianya memerlukan beberapa kaedah dan prinsip dalam melaksanakan strategi pertahanan menurut Islam. Rasulullah SAW sebagai sumber rujukan utama dalam aspek pertahanan dan ketenteraan telah melaksanakan tiga kaedah strategi untuk menguatkan keupayaan pertahanan negara. Tiga kaedah tersebut berdasarkan gambar rajah di bawah:



Gambar rajah: Kaedah strategi pertahanan pada zaman Rasulullah SAW.

Menurut gambar rajah di atas, empat kaedah strategi yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam memantapkan pentadbiran hal ehwal pertahanan negara. Kaedah tersebut juga menjadi rujukan atau model kepada pemerintahan Islam selepas kewafatan Baginda SAW (Khulafa' al-Rashidun sehingga ke kerajaan Turki Uthmaniyyah), yang memberikan inspirasi kepada kejayaan Sultan Muhammad al-Fateh ketika menguasai kota kostantinopel. (Abdul Salam, 1993).

Pada dasarnya, walaupun kaedah-kaedah yang dinyatakan di atas bertujuan untuk persediaan dalam menghadapi peperangan menentang musuh Islam, namun ianya perlu diambil penekanan secara mendalam daripada sudut pemantapan sistem pertahanan negara yang boleh menjamin keselamatan negara dalam pelbagai dimensi. Hal yang demikian kerana aspek peperangan adalah perkara kecil yang termasuk di dalam subjek utama iaitu pertahanan negara selain daripada ketenteraan dan perdamaian. Secara teoritikalnya, telah wujud konsep pertahanan secara menyeluruh ini sejak zaman permulaan Islam sehingga ke kemuncak kegemilangannya yang menitikberatkan pemeliharaan dan juga pelaksanaan keseluruhan aspek membabitkan kedaulatan pertahanan negara.

1. Perancangan

Jika dilihat daripada sejarah bangsa arab sebelum kedatangan Islam, kehidupan mereka dalam keadaan kucar kacir dan tiada pedoman yang disimpulkan sebagai hidup dalam zaman kegelapan (*jahiliyah*). Pertelingkahan sering berlaku dalam kehidupan seharian mereka sehingga menjejaskan matlamat yang ingin mereka capai kerana tiada satu sistem atau struktur yang sempurna dalam mengendalikan hal ehwal pentadbiran mereka. (Razaleigh, 2010). Oleh yang demikian, agama Islam yang diutuskan kepada Rasulullah SAW telah membawa rahmat dalam segenap aspek kehidupan masyarakat arab sehingga berjaya mencorak peradaban yang gemilang dan cemerlang di dalam pentadbiran. (Lukman Ibrahim et al., 2017).

Perancangan merupakan suatu tindakan yang dilakukan pada masa kini untuk mendapatkan hasil dan keputusan pada masa hadapan. Di dalam aspek perancangan untuk menguatkan pertahanan negara, Rasulullah SAW mengamalkan konsep *shura* yang menjadi nadi kepada perbincangan atau *musyawarah* bersama para sahabat baginda dalam merancang sesuatu perkara serta membuat penetapan keputusan secara konsensus (sebulat suara). Hal yang demikian berdasarkan firman Allah:

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

Surah Al-Imran 3:159

Terjemahan: Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu.

Kebanyakan ahli tafsir al-Qur'an menafsirkan ayat *وَشَاوِرْهُمْ* yang diturunkan selepas kekalahan tentera Muslim dalam peperangan uhud, di mana Allah memerintahkan Rasulullah SAW untuk memaafkan sahabat baginda. Sebelum berlaku peperangan uhud, Rasulullah SAW telah berbicara dengan para sahabat tentang strategi peperangan, namun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan mereka yang sebulat suara memilih untuk bertempur di luar Madinah sedangkan Rasulullah SAW berpendapat untuk tinggal di dalam Madinah sahaja. Walau bagaimanapun, di dalam situasi ini, Rasulullah SAW tetap menghormati pandangan para sahabat dan ini ditegaskan oleh Imam al-Razi (2000) di dalam kitab tafsir beliau.

Hikmah pensyariat *shura* menunjukkan bahawa Islam menolak kepimpinan diktator atau fahaman fasisme yang tertumpu kepada kuasa mutlak seorang pemerintah dalam menentukan sesuatu keputusan tanpa melihat kepada pandangan individu di dalam kerajaan mahupun pandangan masyarakat awam. (Abdul Rashid, 2005). Sebaliknya konsep *shura* amat mengambil berat pandangan ahli-ahlinya dalam setiap perbincangan yang boleh memberi impak positif terhadap keputusan yang bakal ditentukan oleh pemerintah. Hal ini ditegaskan oleh Mohd Kamarul Amree et al (2015) di dalam penulisannya seperti berikut:

The practice of *shura* allows the community to regulate its affairs peacefully and arrive at a consensus acceptable to all individuals or groups involved in the decision-making process. A matter of public interest is put up for discussion and debate among a selected body of experts who are given the opportunity to share their respective insights and suggestions. Such mutual consultation is not possible without a general respect for different opinions and diverse viewpoints. Even though the appointed leader makes the final decision, it is an informed decision based on the various opinions, suggestions and cautionary remarks made from all quarters, which reduces the risk of it being the wrong decision detrimental to the interests of the community at large.

Perancangan merupakan batu asas kepada pelaksanaan tiga kaedah berikutnya. Pelbagai perkara yang dirancang, perlu direalisasikan demi mengukuhkan struktur dan benteng pertahanan negara daripada pelbagai sudut yang boleh menggerunkan musuh negara.

2. Penyusunan

Kaedah penyusunan atau penstrukturan merupakan kaedah penting dalam menguatkan sistem pertahanan negara. Hal ini kerana kaedah tersebut merupakan penanda aras bagi pemerintah untuk membuktikan tahap kehebatan dalam mengendalikan aset-aset pertahanan sekaligus melaksanakan operasi untuk mempertahankan kedaulatan negara. Menurut Al-Waqidi (2001), Rasulullah SAW telah berjaya mengamalkan kaedah ini dengan cara menentukan tanggungjawab setiap anggota bersesuaian dengan kepakaran yang sedia ada serta membentuk organisasi yang sesuai mengikut keadaan dan suasana ketika operasi.

3. Pelaksanaan

Kaedah ketiga ini melibatkan pelaksanaan yang berlaku setelah kaedah pertama dan kedua telah dipatuhi syarat dan peraturannya. Rasulullah SAW sebagai ketua turus angkatan tentera Islam mengaplikasikan kaedah ini dalam banyak peperangan yang disertai oleh baginda. Hal ini dapat dilihat daripada beberapa siri peperangan yang diketuai oleh Baginda SAW memperolehi kejayaan disebabkan oleh kaedah dan strategi pelaksanaan ini. Prinsip dan dasar utama peperangan yang dilaksanakan oleh Baginda SAW adalah bersandarkan kepada pembinaan dasar kemanusiaan, kasih sayang dan bersifat ketamadunan. (Al-Buttush, 2014). Ini bersandarkan firman Allah:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ اَنْ صَدُّوْكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ اَنْ تَعْتَدُوْا

Surah al-Ma'idah 5:2

Terjemahan: Jangan sekali-kali kebencian kamu kepada sesuatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari memasuki Masjidilharam itu, mendorong kamu mencerooboh.

Ibn Kathir (2002) menafsirkan ayat di atas yang bermaksud sesungguhnya keadilan merupakan sesuatu yang wajib untuk dilaksanakan kepada semua manusia tanpa mengira apa sekalipun. Dasar moral kekuatan dalaman tentera ditambah lagi dengan pertolongan daripada Allah juga merupakan antara faktor bantuan kemenangan terhadap tentera Islam, namun aspek penting yang mahu ditegaskan di sini adalah usaha yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam memastikan 'bantuan tambahan' tersebut tiba pada waktu yang diharapkan.

Pada zaman moden kini, organisasi ketenteraan di seluruh dunia turut mempunyai prinsip peperangan yang berpandukan kepada keadaan dan situasi masing-masing. Oleh yang demikian, dalam memastikan perlaksanaan hal ehwal peperangan berjalan lancar, keseluruhan organisasi ketenteraan wajib untuk patuh terhadap beberapa prinsip peperangan yang menjadi nadi kepada kejayaan sesebuah peperangan yang berlaku. Perlu untuk ditegaskan bahawa tiada satu pun ayat al-Qur'an, hadith ataupun sumber perundangan Islam lain yang menerangkan secara jelas berkenaan prinsip peperangan. Namun, terdapat sesetengah ayat Qur'an mahupun hadith yang menekankan nilai-nilai murni dalam etika melaksanakan peperangan secara umum dan ianya diselarikan dengan prinsip peperangan moden pada masa kini. Oleh yang demikian, terdapat lima prinsip peperangan menurut Islam seperti berikut:

i. Memelihara dan mengekalkan tujuan/matlamat utama

Prinsip yang pertama ini merupakan prinsip paling penting di dalam setiap peperangan yang bakal dilaksanakan. Pemerintah tertinggi angkatan tentera perlu memelihara serta mengekalkan tujuan dan matlamat utama dalam berperang melawan musuh. (Al-Buttush, 2014). Hal ini merupakan perkara yang terpuji kerana tujuan utama berperang menurut Islam adalah untuk mendapatkan keredhaan Allah terhadap musuh yang memerangi agama Islam. Ianya termaktub di dalam firman Allah:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتُلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا ۗ

Surah al-Baqarah 2:190

Terjemahan: Dan perangilah kerana agama Allah akan orang (musuh) yang memerangi kamu, dan janganlah kamu melampau.

Menurut Imam al-Qurtubi (1998), ayat di atas bermaksud mentaati Allah dalam setiap peperangan disebabkan oleh ancaman musuh pada permulaannya. Ini bermaksud bahawa jika wujud ancaman, maka wajib untuk mempertahankan diri dan tidak sesekali melampaui batas. Hal yang demikian bertepatan dengan matlamat utama konsep pertahanan menyeluruh iaitu mempertahankan kedaulatan negara daripada sebarang ancaman pihak musuh. Melaksanakan matlamat utama peperangan merupakan salah satu manifestasi ibadah di dalam Islam yang mementingkan penggunaan niat dalam konteks praktikal dan perbuatan. Niat yang baik akan menghasilkan perbuatan yang baik serta memberikan keadilan kepada semua. Sehingga di dalam situasi peperangan sekalipun keadilan dapat ditegakkan jika berniat kerana Allah seperti mana doa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW seperti berikut:

اللهم أنت عضدي، وأنت نصيري، وبك أقاتل

Terjemahan: Ya Allah engkaulah pelindungku, dan engkau jualah penolongku, dan kerana engkaulah aku berperang. (Hadis riwayat Abu Dawud).

ii. Kesatuan dalam arahan

Di dalam prinsip peperangan yang kedua ini, ianya bermaksud bahawa segala arahan yang diberikan sebelum dan semasa peperangan adalah di bawah tanggungjawab pemerintah tertinggi angkatan tentera (panglima). Arahan tersebut dilaksanakan oleh pemerintah bawahan (timbangan panglima) untuk disampaikan kepada anggota-anggota yang lain. Hal tersebut merupakan perkara normal di dalam

organisasi ketenteraan yang bersifat regimental. Malah al-Qur'an telah menegaskan tentang kepentingan kesatuan dalam arahan seperti mana firman Allah:

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۚ وَاصْبِرُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Surah al-Anfal 8:46

Terjemahan: Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar.

Menurut Imam al-Razi (2000), peperangan (*jihad*) tidak akan bermanfaat jika tidak taat kepada Allah dan Rasul. Menurut beliau lagi, perkataan *تَنَازَعُوا* (berbantah-bantahan) jika dilakukan di medan perang boleh memberi kesan buruk iaitu gagal, kalah dan jauh daripada pertolongan Allah. Di dalam situasi medan peperangan, kadang kala berlaku perubahan daripada sudut arahan disebabkan oleh perubahan keadaan, suasana dan juga strategi. Dalam hal ini, timbalan panglima tentera memainkan peranan penting dalam mempengaruhi anggota bawahan mengikut corak arahan bersifat segera dan ianya merupakan asas kepada arahan pentadbiran di dalam organisasi ketenteraan seperti yang ditegaskan oleh Majid Khadduri (1955). Seperti sedia maklum bahawa Rasulullah SAW telah mengaplikasikan perkara tersebut kepada panglima peperangan yang dilantik di dalam peperangan yang tidak disertai oleh Baginda SAW (*sariyyah*). Contoh yang tepat adalah peranan Khalid Ibn al-Walid RA dalam peperangan *mu'tah* yang di mana beliau bertindak secara pantas untuk mengambil alih tugas sebagai panglima perang bagi menyelamatkan keadaan tentera Islam ketika itu.

Prinsip ini jika dipegang dengan kukuh mampu menjana semangat keperwiraan dalam kalangan tentera yang sememangnya patuh kepada arahan panglima tentera. Ini membuktikan bahawa kepimpinan yang terpuji ditunjukkan oleh panglima tentera boleh memberi kesan sampingan terhadap semangat dan moral anggota tentera serta berkait rapat dengan prinsip peperangan yang seterusnya iaitu kerjasama.

iii. Kerjasama

Kerjasama (*ta'awun*) atau tolong menolong juga merupakan salah satu prinsip penting di dalam peperangan menurut Islam. Ianya juga bermaksud bersatu padu dan sehati sejiwa dalam mencapai matlamat yang sama. Tanpa kerjasama, sebuah organisasi ketenteraan tidak mampu untuk mempertahankan kedaulatan negara kerana tidak memiliki kesepaduan dan kesaksamaan terhadap matlamat dan tujuan ketika menghadapi ancaman musuh. (Ahmad Zamani, 1991). Sesungguhnya, konsep kerjasama atau *ta'awun* ke arah kebaikan dan taqwa ini merupakan perkara yang ditegaskan oleh Allah untuk dilaksanakan seperti yang terdapat di dalam surah Al-Ma'idah 5:2. Terdapat juga pengajaran di dalam al-Qur'an berkenaan kisah keutuhan persaudaraan antara golongan muhajirin dan ansar yang sanggup menjadi pembela, penolong dan menyokong antara satu sama lain di jalan Allah. Firman Allah:

وَإِنِ اسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمُ النَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَاقٌ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Surah al-'Anfal 8:72

Terjemahan: Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. Dan ingatlah, Allah maha melihat akan apa yang kamu lakukan.

Imam al-Qurtubi (1998) di dalam kitab tafsir beliau telah menjelaskan ayat al-Qur'an di atas berkenaan kewajipan setiap umat Islam untuk membantu saudara semuslim jika berada di dalam kesusahan, seperti yang dilakukan oleh orang-orang yang belum berhijrah meminta pertolongan kepada golongan ansar di Madinah.

Kerjasama dalam kalangan anggota tentera juga berpunca daripada sifat kepatuhan mereka dalam menerima setiap arahan daripada pemerintah atasan dengan syarat bahawa arahan tersebut tidak

menyimpang daripada garis panduan yang ditetapkan oleh *syari'ah*. (Ahmad Zamani, 1991). Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda:

السمع والطاعة على المرء المسلم فيما أحب وكره ما لم يؤمر بمعصية فإذا أمر بمعصية فلا سمع ولا طاعة

Terjemahan: Mendengar dan mentaati (pemerintah) adalah wajib bagi setiap Muslim, samada dalam perkara yang disukai ataupun yang tidak disukai selagi mana tidak diperintahkan ke atas dia untuk melakukan kemaksiatan. Jika dia diperintahkan untuk melakukan maksiat, maka tidaklah (wajib) bagi dia untuk mendengar dan mentaati. (Hadis riwayat Bukhari).

Ibn Hajar al-`Asqalani (2003) dalam mensyarahkan hadith di atas menegaskan bahawa tidak wajib ke atas seorang Muslim untuk taat dan patuh kepada pemimpin yang mengarahkan kepada kemaksiatan. Bahkan menentang perbuatan pemimpin tersebut merupakan akhlak terpuji yang dibalas dengan pahala oleh Allah, manakala sesiapa yang mempertahankannya akan mendapat dosa dan balasan yang buruk daripada Allah.

iv. Keselamatan

Salah satu prinsip peperangan yang penting adalah keselamatan. Keselamatan merupakan faktor penting kepada kejayaan sesuatu operasi perang serta menjadi batu asas kepada pengukuhan benteng pertahanan organisasi ketenteraan. (Ahmad Zamani, 1991). Dalam hal ini, Allah menegaskan kepentingan keselamatan dan sentiasa berjaga-jaga ketika menghadapi musuh Islam seperti mana firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا خُذُوا حِذْرَكُمْ فَانفِرُوا تَابًا أَوْ انْفِرُوا جَمِيعًا

Surah al-Nisa' 4:71

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, bersedialah dan berjaga-jagalah! (sebelum kamu menghadapi musuh), kemudian (bila dikehendaki) maralah (ke medan perang) sepuak demi sepuak, atau (jika perlu) maralah serentak beramai-ramai.

Menurut Imam Ibn Kathir (2002) dalam tafsiran ayat al- al-Qur'an di atas menjelaskan bahawa persediaan dan sentiasa berwaspada di dalam peperangan merupakan perintah Allah yang perlu dipatuhi oleh setiap tentera Islam. Persediaan yang dimaksudkan adalah dengan menguatkan kelengkapan persenjataan, menambahkan bilangan anggota tentera serta niat untuk bertempur kerana Allah supaya menimbulkan kegerunan kepada pihak musuh.

Hal yang demikian selari dengan firman Allah di dalam surah al-`Anfal ayat 60 yang menjadi pemangkin kepada keselamatan, kesiapsiagaan dan persiapan tentera Islam dalam menghadapi ancaman pihak musuh. Malah Islam juga menyentuh perkara dalam melaksanakan keselamatan bersifat taktikal ketika berlakunya pertempuran seperti solat di medan (*solat al-khauf*) yang memerlukan kerjasama semua pihak dalam melindungi rakan seperjuangan dan anggota yang lain. (Al-Buttush, 2014). Di samping itu, ianya juga menunjukkan keunikan agama Islam dalam melaksanakan teknik peperangan bersifat holistik dan spiritual yang di mana urusan ibadah kepada Allah tetap tidak ditinggalkan walaupun dalam keadaan darurat seperti peperangan dan lain-lain. Perihal ini telah diterangkan oleh Allah di dalam al-Qur'an:

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوا فَلْيَكُونُوا مِنْ وَرَائِكُمْ وَلْتَأْتِ طَائِفَةٌ أُخْرَىٰ لَمْ يُصَلُّوا فَلْيُصَلُّوا مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ ۗ

Surah al-Nisa' 4:102

Terjemahan: Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan solat dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak daripada mereka berdiri (mengerjakan solat) bersama-samamu, dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing; kemudian apabila mereka telah sujud, maka hendaklah mereka berundur ke belakang (untuk menjaga serbuan musuh); dan hendaklah datang pula puak yang kedua yang

belum solat (kerana menjaga serbuan musuh), maka hendaklah mereka bersolat bersama-sama, dan hendaklah mereka mengambil langkah berjaga-jaga serta menyangand senjata masing-masing.

Imam Ibn Kathir (2002) menjelaskan sebab turun ayat 102 Surah al-Nisa' ini dengan menukilkan riwayat hadith daripada Abu 'Iyash al-Zarqa' yang menceritakan kisah umat Islam bersama Rasulullah SAW di 'Asfan berhadapan dengan kaum musyrikin pimpinan Khalid Ibn al-Walid. Ketika itu, umat Islam sedang solat zohor berjemaah dan di hadapan kiblat mereka ialah kaum musyrikin. Mengikut situasi semasa ketika itu, kaum musyrikin beranggapan bahawa umat Islam dalam keadaan tidak sedar dengan kehadiran mereka dan itulah peluang besar bagi mereka untuk menyerang umat Islam. Lalu Jibril AS telah menurunkan ayat ini tentang pensyariatian *Solat al-Khauf*.

v. Penjimatan tenaga

Prinsip peperangan yang kelima ini merupakan salah satu prinsip yang penting dalam pengendalian operasi peperangan. Ianya juga melibatkan keseluruhan aspek kemanusiaan, fizikal dan infrastruktur ketenteraan ketika menghadapi ancaman musuh. Dalam prinsip ini, panglima tentera memainkan peranan penting dalam menilai sejauh mana keberkesanan penggunaan aset ketenteraan melibatkan kemanusiaan mahupun kebendaan mengikut faktor keadaan tertentu dan tidak mendatangkan kecelakaan dan juga pembaziran. (Al-Buttush, 2014). Hal yang demikian dilihat di dalam aspek penjimatan tenaga melalui bilangan anggota tentera yang bertempur di medan perang berdasarkan kepada matlamat dan tujuan operasi peperangan. Secara tidak langsung prinsip ini berkait rapat dengan prinsip peperangan yang pertama iaitu memelihara dan mengekalkan tujuan.

Di samping itu, prinsip penjimatan tenaga ini juga bukan hanya tertumpu kepada aspek fizikal atau material semata-mata, tetapi ianya turut menekankan aspek spiritual atau kerohanian dalam kalangan anggota tentera. Hal ini kerana kekuatan rohani perlu digunapakai secara berhemah dan selari dengan kekuatan fizikal dalam mengukuhkan struktur barisan pejuang peperangan. Dalam membahaskan perkara tersebut, ternyata kekuatan material atau fizikal bukan hanya faktor kemenangan di dalam medan peperangan, ternyata ianya perlu kepada adunan unsur-unsur spiritual atau kerohanian bagi mengukuhkan jati diri dan semangat keperwiraan dalam kalangan anggota tentera. Hal yang demikian telah dibuktikan di dalam peperangan *Badar* yang menyaksikan kekuatan tentera Islam tidak sampai lima ratus anggota, namun dengan berbekalkan semangat dan keazaman ditambah lagi dengan kekuatan rohani hanya berserah kepada Allah dan mengaharapkan redhaNya, tentera Islam telah berjaya mendapatkan kemenangan di dalam peperangan *Badar* tersebut. (Al-Tabari, 1999). Dalam hal ini Allah berfirman:

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ ۖ فَاتَّبِعُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Surah 'Al-'Imran 3:123

Terjemahan: Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan *badar*, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana kamu sedikit bilangannya serta kekurangan alat perang). Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah!, supaya kamu bersyukur atas kemenangan itu.

Ayat al-Qur'an di atas diturunkan semasa berlaku peperangan '*uhud* yang menjadi pendukung motivasi kepada tentera-tentera Islam dalam menentang ancaman musuh. Dengan berbekalkan motivasi kejayaan di dalam peperangan Badar, hanya ketaqwaan kepada Allah jua yang menjamin kemenangan tentera Islam dan bukan atas sebab kekuatan dan bilangan tentera semata-mata seperti yang ditegaskan oleh Imam Ibn Kathir (2002) di dalam tafsir beliau.

5. Kesimpulan

Dapat disimpulkan daripada kajian ini bahawa pentadbiran dan polisi pertahanan negara pada zaman Nabi Muhammad SAW merupakan model yang boleh dicontohi oleh semua negara yang berdaulat pada konteks semasa hari ini. Hal ini kerana ketiga-tiga faktor yang mempengaruhi corak pentadbiran pertahanan dilihat berkesan dalam memastikan keamanan negara terpelihara. Menerusi faktor pertama, permuafakatan masyarakat majmuk dalam negara Madinah membuktikan kesiapsiagaan keseluruhan

rakyat untuk mempertahankan tanah air dibuat atas dasar kepatuhan kepada piagam perlembagaan. Manakala, hubungan diplomatik dengan negara luar merupakan faktor kedua yang memberi kesan terhadap kestabilan pertahanan Madinah daripada diancam musuh luar. Oleh yang demikian, perjanjian bantuan ketenteraan secara bilateral antara negara membuktikan kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW dan Khulafa' al-Rasyidin dalam mengukuhkan pertahanan negara. Yang terakhir, taktik dan strategi yang ampuh dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW yang merangkumi perancangan, penyusunan dan pelaksanaan merupakan satu bentuk strategi pertahanan yang belum pernah dibuat oleh mana-mana generasi manusia sebelum ini. Ianya turut merangkumi prinsip yang perlu dilaksanakan semasa waktu aman dan di dalam situasi peperangan. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa pentadbiran polisi pertahanan negara pada zaman Nabi Muhammad SAW merupakan zaman yang gemilang dan seharusnya dijadikan contoh dan tauladan kepada negara dunia masa kini dalam memperkasakan sistem dan polisi pertahanan negara.

6. Rujukan

`Abd al-Salam `Abd al-`Aziz Fahmi, *Al-Sultan Muhammad al-Fateh: Fateh al-Konstantiniyyah wa Qahir al-Rum*, Dimasyq, Dar al-Qalam, 1993, pp. 72-73.

Abdul Mukti Thabrani, "Tata Kelola Pemerintahan Negara Madinah Pada Masa Nabi Muhammad SAW", *Jurnal Agama dan Hak Asasi Manusia in Right*, bil. 4, pp. 25, 2014.

Abdul Rashid Moten dan Syed Serajul Islam, *Introduction to Political Science*, Singapore: Thompson Learning, 2005, pp. 137-138.

Ahmad Ali Ibn Hajar al-`Asaqalani, *Fath al-Bari Syarhu Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2003, jil. 13, pp. 131.

Ahmad Ibrahim dan Dzafir El-Qasimy, *Piagam Madinah: Pandangan dan Ulasan*, Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif, 1985, pp. 123.

Ahmad Nabil Amir, "Sistem Politik Islam di Zaman Nabi Muhammad S.A.W.", *Jurnal Usuluddin*, bil. 29, pp. 222-223, 2009.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Demokrasi dan Kepimpinan: Suatu Perbandingan*, Kuala Lumpur: Percetakan Cergas (M) Sdn. Bhd., 2001, pp. 23.

Ahmad Zamani, *Buhuth Hawla al-Nizam al-`Askari fi al-Islam*, Beirut: Dar al-Islamiyyah, 1991, pp. 78.

Azyati Azhani Mohd Marzuki et al., "Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah", *International Journal of West Asian Studies (IJWAS)*, bil. 5, pp. 3, 2013.

Edward Lutwak and Stuart Koehl, *The Dictionary of Modern War*, New York: Harper Collins, 1991, pp. 229.

Fakhrudin Muhammad Ibn `Umar al-Razi, *Al-Tafsir al-Kabir `aw Mafatih al-Ghayb*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2000, jil. 2, pp. 54.

Hasan Turkumani, *Al-Mazahib al-`Askariyyah*, Dimashq: Dar al-Fikr, 1995, pp. 72.

Ismail Ibn Umar Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, Beirut: Dar al-Ma`arif, 2002, vol. 7, pp. 341.

Jabatan Arah KAGAT, "Ketenteraan Islam dan Jihad: Hubungannya dengan pengorbanan ATM", laman sesawang Berita Tentera Darat Malaysia Online, dicapai pada 31 Januari 2019, <https://btdmonline.net/2015/06/ketenteraan-islam-dan-jihad-hubungannya-dengan-pengorbanan-atm/>

Jalal al-Din al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*, Qahirah: Dar al-Nahdah, t.th., pp. 243-244.

Lukman Ibrahim dan Ermy Azziaty Rozali, "Kecekapan Tadbir Urus Ketenteraan dan Pertahanan Era Pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W.", *International Journal of West Asian Studies*, bil. 9, pp. 41, 2017.

Majid Khadduri, *War and Peace in the Law of Islam*, Baltimore: John Hopkins Press, 1955, pp. 46-47.

Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam, Burhanuddin Jalal dan Redwan Yasin, "The Decision-Making Process Between Shura (Mutual Consultation) and The Malaysian Parliament: A Comparative Study", *Zulfaqar International Journal of Politics, Defence and Security*, vol. 2, pp. 269, 2015.

Muhammad Ahmad Abu Bakr al-Qurtubi, *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1998, jil. 6, pp. 71.

Muhammad Ibn Jarir al-Tabari, *Tafsir al-Tabari: Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1999, jil. 9, pp. 189.

Muhammad Ibn Umar al-Waqidi, *Kitab al-Tarikh wa al-Maghazi*, Damsyik: Sharikat al-Misriyyah, 2001, pp. 241.

Munir Ba'labakki, *Mawrid al-Muyassar: A Simplified English-Arabic Dictionary*, 13th ed., Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, 1999, pp. 95.

Nawaf Bedah al-Fughom, "Factors in The Spiritual Preparation and Motivation of Muslim Armies", PhD thesis, The University of Leeds, 2003, pp. 235.

Nazri Muslim, Nik Yusri Musa dan Ahmad Hidayat Buang, "Hubungan Etnik Di Malaysia Dari Perspektif Islam", *Jurnal Kajian Malaysia USM*, bil. 29, pp. 13, 2011.

Razaleigh Muhamat @ Kawangit, *Kepimpinan dan Pengurusan Islam: Sejarah Teori dan Perlaksanaan*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM, 2010, pp. 23.

Rohimi Shapiee, "Siyar (Undang-Undang Antarabangsa Islam): Cabaran Untuk Mempermoden dan Menjadikannya Relevan", *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat UKM*, bil. 12, pp. 35, 2008.

Safi al-Rahman al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq al-Makhtum*, Riyadh: Dar al-Salam, 2007, pp. 342.

Shaheen Sardar Ali dan Javaid Rehman, "The Concept of Jihad in Islamic International Law", *Journal of Conflict & Security Law*, vol. 10, pp. 331-332, 2005.

Shamsul Amri Baharuddin, *Modul Hubungan Etnik*, Bangi: Institut Kajian Etnik UKM, 2012, pp. 25-26.

Yahya Bashir al-Buttush, *Al-Takhtit al-'Askari fi al-Sunnah al-Nabawiyyah*, terj. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia, 2014, pp. 15.

Zaleha Embong, "Nilai-Nilai Universal Dalam Piagam Madinah dan Peranannya Dalam Membentuk Hubungan Kerjasama Dalam Masyarakat Majmuk", makalah, Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun dan Warisan Islam (TAWIS) 2016, pp. 184.